

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 FEBRUARI 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	UTM hasil penapis air bersih	Berita Harian
2.	Jangan pandang remeh perubahan iklim - PM	Utusan Malaysia
3.	Pelajar PMM jalani latihan industri di 21 Hotel Seri Malaysia	BERNAMA
4.	Jangan pandang remeh perubahan iklim dan pemanasan global - Najib	BERNAMA
5.	Gegaran tak bawa bahaya, risiko tinggi	Berita Harian
6.	Sabah folk shaken up by tremor caused by Sulu Sea quake	The Star
7.	Suhu bulan depan diramal cecah 38 darjah Celsius	Utusan Malaysia
8.	SPAN minta Kerajaan Negeri pantau rapi sumber air berikutan cuaca kering	BERNAMA
9.	Kaji sumber air bawah tanah	Kosmo
10.	Monitor dam levels, states told	The Sun
11.	Time to cool down	The Malay Mail
12.	Kementerian tidak galakkan aktiviti luar kelas	Kosmo
13.	Hujan lebat turun dua jam di Kuala Lumpur, Selangor	Kosmo
14.	Industrial laser use ' under control'	The Sun

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (VARSITI) : MUKA SURAT V6
TARIKH : 26 FEBRUARI 2015 (RABU)



Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

► Pekan

Ewon (kiri) mengisi air ke dalam mesin penapisan air Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant sambil dibantu Prof Ahmad Fauzi (kanan) dan Prof Wahid.

UTM hasil penapis air bersih

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tampil dengan inovasi bagi menyelesaikan masalah bekalan air bersih kepada penduduk terjejas banjir menerusi alat penapisan air Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant.

Alat berkenaan adalah hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) diketuai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTM, Prof Dr Ahmad Fauzi Ismail dengan kerjasama Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi.

Prof Ahmad Fauzi yang pernah menerima Anugerah Sains dan Teknologis Muda ASEAN pada tahun 2001 dan penerima Anugerah Merdeka 2014, berkata, penyelidikan alat itu dilakukan tiga tahun lalu bersama-sama lima pelajar ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pusat Penyelidikan Membran Termaju (AMTEC) UTM.

Beliau berkata, mesin penapis itu bersifat mudah alih dan mampu menghasilkan

kira-kira 5,000 liter air bersih dalam tempoh satu jam.

"Sistem penapisan yang digunakan bukan sahaja dapat menghasilkan air minuman bersih, bahkan selamat daripada sebarang risiko penyakit bawaan air seperti E-Coli dan Leptospirosis atau kencing tikus.

"Mesin ini beroperasi menggunakan generator dan tidak ada masalah untuk digunakan di kawasan terputus bekalan elektrik tanpa mengganggu

kemampuan dan kualiti air dihasilkan.

Komponen membran

"Ia juga boleh disesuaikan untuk kegunaan pada skala besar dan jika kita ingin memproses air kepada kepada jumlah yang lebih banyak, kita cuma perlu tambah komponen membran pada mesin berkenaan," katanya pada Majlis Pelancaran Mesin Penapis Air Ultrafiltration/Reverse Osmosis Plant di Sekolah Kebangsaan Padang Aceh, dekat sini, baru-baru ini.

Majlis dirasmikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur dan Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar.

Prof Ahmad Fauzi juga berkata, terdapat lima modul atau peringkat rawatan dilakukan mesin berkenaan bagi memastikan air bersih dihasilkan bebas bakteria dan risiko penyakit berbahaya.

"Untuk memastikan keselamatan air bersih dihasilkan, air yang ditapis akan melalui lima fasa tapisan, iaitu prarawatan, turasan-ultra, osmosis berbalik, sinaran UV dan bahan pelembut.

"Teknologi osmosis berbalik dan turasan-ultra digunakan dalam proses ini bagi membolehkan mesin penapis merawat air daripada pelbagai sumber termasuk air laut, payau dan air yang keruh.

"Sementara itu, sinaran UV pula digunakan bagi membunuh bakteria dan virus yang terdapat dalam air yang diproses," katanya.

